

Curah diesel elak ditahan

#M 12/2/2023 ms: 20

APMM Kelantan tahan bot pukut tunda bersama 13 kru nelayan warga Vietnam

Pasir Puteh

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan menahan sebuah bot tunda dan 13 kru nelayan warga Vietnam kerana menangkap ikan secara haram di perairan negara, Khamis lalu.

Pengarahnya, Kapten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab Rahman berkata, nelayan yang berusia 18 hingga 53 tahun dan bot berkenaan ditahan di kedudukan 125 batu nautika dari pantai Tok Bali pada jam 9.41 pagi selepas dikejar hampir dua jam.

"Sebelum ditahan, mereka bertindak secara agresif dengan melakukan provokasi termasuk membuang tali dan pukut bagi menghalang

Kapal Maritim (KM) Amanah mendekati bot mereka," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat APMM di Tok Bali di sini, semalam.

Beliau berkata, selain itu nelayan terbabit turut mencurahkan diesel di atas lantai bot bagi tujuan menghalang anggota penguat kuasa menaiki bot mereka.

Menurutnya, bagaimanapun nelayan terbabit berjaya ditahan selepas anggota APMM menurunkan sebuah bot untuk menghampiri bot tunda itu dan berjaya memanjat masuk walaupun ada yang rebah dan tergelincir akibat lantai licin.


Beliau berkata, turut dirampas tiga tan ikan, per-

alatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan alat komunikasi serta bekalan diesel sebanyak 5,000 liter yang jumlah keseluruhannya sebanyak RM1.56 juta.

"Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 6(1) Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen pengenalan

diri yang sah. Tekong dan kru boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali dan enam kali sebatan mengikut Seksyen 6 (3) Akta sama.

"Bagi kes mengikut Akta Perikanan 1985 mereka boleh didenda maksimum RM6 juta untuk tekong dan RM600,000 setiap kru mengikut Seksyen 25 (a) dan bot serta alat penangkapan ikan juga boleh dilucut hak kepada kerajaan Malaysia," katanya.



SERAMAI 13 kru nelayan asing Vietnam ditahan.

SYED Nor Adli bersama Timbalan Pengarah APMM Kelantan, Komander Maritim Khairun Dalilah Baharin melihat bot nelayan asing Vietnam yang ditahan di pekarangan Pejabat APMM Tok Bali, Pasir Puteh.